

Fasiliti kesihatan kena peka keadaan semasa

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengambil beberapa langkah awal, berikutan pengumuman Kejadian Kecemasan Kesihatan Awam Yang Menjadi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkaitan dengan jangkitan cacar monyet atau *monkeypox*

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ia termasuklah mengingatkan semua fasiliti kesihatan supaya peka dengan situasi semasa jangkitan berkenaan serta meningkatkan pengesanan kes dalam kalangan pesakit yang berisiko.

Beliau berkata, sehingga Sabtu lalu, sejumlah sembilan kes disyaki cacar monyet sudah dinotifikasikan kepada pihaknya bagaimanapun semua kes berkenaan disahkan negatif.

“KKM turut meminta fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta mengenai keperluan untuk notifikasikan kes yang disyaki atau disahkan cacar monyet dalam kadar segera bagi memastikan langkah kawalan dan pencegahan dapat diambil, termasuk mengenalpasti kontak rapat kes.

termasuk Malaysian Airlines Holding Berhad (MAHB) serta bekerjasama dengan beberapa kementerian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO),” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, mengisytiharkan penularan cacar monyet sebagai darurat kesihatan global, amaran tahap tertingginya.

Beliau berkata, keputusan itu diambil kerana penularan cacar monyet global melambangkan darurat kesihatan global yang berpotensi mencetuskan kebimbangan peringkat antarabangsa.

Amaran kepada pengembara

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan sehingga Sabtu lalu, pihak MySejahtera sudah mengeluarkan amaran kesihatan cacar monyet (Health Alert Monkeypox) kepada 531,630 pengembara yang direkodkan tiba dari negara melaporkan kes jangkitan berkenaan.

“Semua pengembara bukan warganegara hendaklah mengisi pas kembara dalam aplikasi MySejahtera dan pengembara yang tiba dari negara melapor-

nyebar ke tapak tangan dan tapak kaki diikuti bahagian tubuh lain, lenguh tubuh badan, sakit bahagian belakang badan atau sendi, kejang otot dan pembengkakan kelenjar limfa,” katanya.

Khairy menegaskan, individu individu yang mempunyai gejala cacar monyet segera ke fasiliti kesihatan untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut dan elakkan daripada kontak dengan orang lain bagi mengelakkan penularan jangkitan.

“Bagi pengendali premis yang menyediakan perkhidmatan yang membabitkan kontak kulit dengan pelanggan seperti spa, urutan dan aktiviti berisiko lain untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran, serta memastikan pelanggan sihat, tidak mengalami gejala *monkeypox* dan tiada ruam makulopapular.

“Sekiranya terdapat pelanggan yang mempunyai gejala berkenaan, nasihatkannya segera mendapatkan rawatan manakala pekerja bergejala dinasihat tidak hadir bertugas dan segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan,” katanya.

Cacar monyet



Disebabkan oleh jangkitan virus monkeypox daripada kumpulan **Orthopoxviruses**

Bagaimana virus ini tular kepada manusia

Gigitan atau sentuhan langsung dengan daran, cecair badan atau luka haiwan yang dijangkiti




Melalui titisan pernafasan (apabila terdapat kontak bersemuka berpanjangan)

Kontak langsung dengan cecair daripada ruam makulopapular di badan orang yg dijangkiti atau dengan objek tercemar virus seperti tempat tidur atau pakaian



Apakah tanda dan gejala jangkitan?



“KKM turut mewujudkan *survelan sentinel* di beberapa klinik swasta dan kerajaan bagi memantau kejadian penyakit ruam atau lesi kulit; mempertingkatkan kapasiti makmal yang boleh menjalankan ujian pengesanan virus *monkeypox* dengan penambahan dua makmal menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12 (lapan makmal kerajaan dan empat makmal swasta).

“Mempertingkatkan surveilan di pintu masuk antarabangsa negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, syarikat penerbangan dan agensi berkaitan

kan *monkeypox* akan menerima ‘pop-up’ mesej kesihatan setiap hari melalui MySejahtera untuk mengingatkan mereka supaya memantau gejala jangkitan dan status kesihatan.

“Pengembara yang tiba dari negara terbabit, dinasihatkan memantau status kesihatan sendiri setiap hari termasuk gejala jangkitan *monkeypox* untuk tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia.

“Gejala *monkeypox* termasuklah demam, keletihan, sakit kepala, ruam makulopapular yang bermula di muka kemudian me-

Disebar dengan sentuhan

Mengulas lanjut mengenai jangkitan cacar monyet, Khairy berkata, virus berkenaan boleh disebarkan melalui sentuhan langsung dengan ruam atau lesi yang terjadi pada kulit, sama ada lesi yang baharu atau sudah menjadi kuping atau cairan daripada lesi terbabit.

“Transmisi virus juga boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan haiwan yang dijangkiti, sama ada dengan cara digigit atau dicakar oleh haiwan terbabit, atau dengan cara me-

makan atau menggunakan hasil produk haiwan berkenaan.

“Sentuhan dengan peralatan yang tercemar dengan lesi kulit ataupun cairannya juga boleh menyebabkan jangkitan dan kes boleh menularkan jangkitan kepada individu lain dalam tempoh sehari sebelum terjadinya lesi pada kulit, sehingga 21 hari daripada bermulanya gejala atau sehingga lesi pada kulit menjadi kuping dan pesakit tidak lagi bergejala.

“Kes jangkitan *monkeypox* boleh pulih tanpa sebarang rawa-

tan. Rawatan yang diberikan adalah bagi merawat gejala yang dialami oleh pesakit.

“Penularan virus *monkeypox* pada ketika ini dilaporkan berlaku dalam kalangan gay, biseksual dan lelaki lain yang melakukan hubungan seks dengan lelaki atau individu dengan risiko tinggi jangkitan seperti pekerja seks dan transgender.

“Namun, ia bukan penyakit bagi kumpulan ini secara eksklusif kerana ia boleh juga menjangkiti ahli keluarga melalui sentuhan,” katanya.